

Fakta dan Persepsi tentang Kebudayaan India di Kedah Tua

Implikasi dalam Membina Identiti Nasional¹

Nazarudin Zainun

Bahagian Sejarah PP Ilmu Kemanusiaan

Nasha Rodziadi Khaw

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global

Universiti Sains Malaysia

Pendahuluan

Pada awal kurun Masihi, pengembara dan pedagang dari India mulai datang ke Asia Tenggara secara berterusan untuk berdagang. Kontak yang berterusan tersebut membawa kepada proses akulturasi budaya di antara kebudayaan masyarakat India dengan masyarakat tempatan. Lanjutan daripada perkara tersebut membawa kepada proses “Indianisasi”. Persoalan tentang sejauh manakah proses Indianisasi benar-benar mempengaruhi kebudayaan masyarakat tempatan Asia Tenggara masih boleh diperdebatkan?

Ini kerana evolusi kebudayaan di Asia Tenggara tidak bersifat homogenus. Keadaan ini disebabkan proses penyebaran kebudayaan India tidak berlaku di kesemua kawasan di Asia Tenggara dengan kadar yang sama. Hal ini dibuktikan dengan pola penemuan arkeologi yang menunjukkan bahawa penembusan kebudayaan Hindu-Buddha berlaku pada kadar yang berbeza-beza di kawasan yang berlainan di Asia Tenggara. Artikel ini cuba untuk menilai warisan Hindu-Buddha di Kedah Tua berdasarkan definisi Indianisasi yang dikemukakan oleh G.Coedes. Persoalannya sejauh manakah interpretasi ke atas sejarah Kedah Tua yang ada berdasarkan fakta daripada bukti sejarah/ arkeologi atau hanya berdasarkan persepsi sahaja. Tentunya setiap fakta dan persepsi akan meninggalkan implikasi kepada pembentukan identiti nasional. Kawasan yang dipertimbangkan adalah Kedah Tua, serta kerajaan di Indonesia dan Indocina sebagai perbandingan.

Penerimaan Kebudayaan India

Secara umumnya, wujud dua teori utama mengenai proses Indianisasi di Kedah Tua, iaitu Teori Kolonialisasi dan Teori Pembudayaan, masing-masing dicadangkan oleh H. G. Quaritch-Wales dan Nik Hassan Shuhaimi. Teori-teori yang dicadangkan oleh mereka adalah berdasarkan kepada kerja-kerja ekskavasi dan survei terhadap tapak-tapak arkeologi di Lembah Bujang, di samping analisis dari aspek kesenian dan nilai estetika artifak yang terlibat. Teori Kolonialisasi menyatakan bahawa penduduk Kedah Tua telah menerima kebudayaan India secara sepenuhnya tanpa sebarang pengubahsuaian. Teori pembudayaan pula menyatakan bahawa penduduk tempatan cuma menerima aspek-aspek tertentu kebudayaan India yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian tempatan.

¹ Makalah yang disampaikan dalam “Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia” Memperkasakan Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara” 14-15 September 2017 di Universiti Sains Malaysia.

Teori Kolonialisasi Wales dicadangkan berdasarkan kepada penyelidikan arkeologi yang dilakukan pada tahun 1930-an. Bermula pada tahun 1937, kajian arkeologi telah dijalankan oleh H. G. Quaritch-Wales terhadap 29 tapak candi yang kebanyakannya terletak di kawasan Lembah Sungai Bujang dan sebahagian kecilnya di kawasan Sungai Muda.² Pada 1940, beliau telah meneruskan kajian di beberapa tapak yang lain iaitu 16A, 31 dan tapak Kota Aur.³ Kajian beliau melibatkan ekskavasi terhadap kesemua tapak tersebut dan penelitian terhadap aspek senibina dan ikonografi penemuan yang wujud. Tidak seperti kajian yang telah dilakukan para pengkaji terdahulu, kajian arkeologi yang lebih bersifat intensif dan berorientasikan permasalahan kajian yang jelas telah mula dilakukan oleh Wales. H. G. Quaritch-Wales telah menganalisis data-data hasil ekskavasi beliau dengan teliti. Berdasarkan kepada tafsiran tersebut beliau telah merumuskan perkembangan Kedah Tua secara menyeluruh buat pertama kalinya.⁴ H. G. Quaritch-Wales telah memperkenalkan teori Kolonialisasi dan konsep India Raya (*The Greater India*) yang menekankan faktor pengaruh India sebagai satu elemen paling utama di dalam proses pembentukan identiti kebudayaan tamadun Asia Tenggara.⁵ Beliau menyatakan bahawa kota-kota awal di Asia Tenggara, pada asalnya telah ditakluk oleh kuasa-kuasa dari India terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera.⁶ Kajian oleh Wales di Lembah Bujang banyak bertumpu terhadap aspek perkembangan kebudayaan Kedah Tua.

Berdasarkan kepada pandangan Wales, kawasan di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Ceylon dan Myanmar dianggap sebagai kawasan penempatan orang India. Keadaan sosiobudaya masyarakat tempatannya dikatakan tidak jauh berbeza dengan keadaan sosiobudaya masyarakat di India.⁷ Dikatakan berlaku proses akulturasi budaya melampau, ataupun proses putaran ganas budaya India. Di dalam proses tersebut, penduduk tempatan dikatakan menerima kebudayaan India secara menyeluruh hinggan unsur-unsur kebudayaan tempatan terus lenyap sama sekali. Kebudayaan India ditiru dan diamalkan sepenuhnya oleh penduduk di zon Barat. Evolusi kebudayaan tidak berlaku di kawasan ini kerana dari masa ke semasa berlaku kedatangan para imigran dari India yang telah memperkuatkan amalan budaya India asli dalam kalangan penduduk tempatan. Kawasan tersebut yang disifatkan oleh Wales sebagai *The Indianisque* ataupun India Kecil berfungsi sebagai pusat kepada penyebaran kebudayaan India di Asia Tenggara.

² H. G. Quaritch-Wales, "Further India. Archaeological Researches in Malaya" dalam *Annual bibliography of Indian Archaeology*, XII, 1937, hlm. 38-41; H. G. Quaritch-Wales, "New Light on the Expansion of Ancient India Culture and Mahayana Buddhism from sites in Kedah" dalam *Illustrated London News*, 24 Jun 1939, hlm. 1169-71; H. G. Quaritch-Wales, "Archaeological Research on Ancient Indian Colonization in Malaya" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Studies*, XVIII, 1, 1940; H. G. Quaritch-Wales, "Recent Malayan Excavation and Some Wider Implications", dalam *Journal of the Royal Asiatic Society*, XV-XVIII, 1946, hlm. 140-9; H. G. Quaritch-Wales, "Culture Change in Greater India" dalam *Journal of the Royal Asiatic Society*, 1948, hlm 2-32, dan H. G. Quaritch-Wales, "A Note on The Four Main Waves" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XXIII, 4, 1950, hlm. 153-5.

³ Dorothy C. Quaritch-Wales dan H. G. Quaritch Wales, "Further Works on Indian Sites in Malaya" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XX, 1, 1947, hlm. 1-11.

⁴ H. G. Quaritch-Wales, *The Making of Greater India: A Study of Southeast Asian Culture Change*, London: Bernard Quaritch Ltd, 1951; H. G. Quaritch-Wales, "Malayan Archaeology of The "Hindu Period", Some Considerations" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XLIII, 1, 1970, hlm. 1-34, dan H. G. Quaritch-Wales, *The Malay Peninsula in Hindu Times*, London: Bernard Quaritch Ltd, 1976.

⁵ H. G. Quaritch-Wales, *The Making of Greater India*, hlm. 1.

⁶ H. G. Quaritch-Wales, "Archaeological Research", hlm. 66-74.

⁷ H. G. Quaritch-Wales, *The Making of Greater India*, London: Bernard Quaritch Ltd., 1961, hlm. 32-4.

Kedah Tua yang termasuk di dalam kawasan tersebut telah diberi perhatian khusus oleh Quaritch-Wales di dalam kajian beliau. Masyarakat awal Kedah Tua menerima pengaruh India melalui proses akulturasi budaya melampau ataupun proses putaran ganas. Kedatangan pendatang-pendatang dari India secara berterusan ke Kedah Tua menyebabkan kebudayaan India menjadi dominan di sana, hingga menenggelamkan unsur-unsur kebudayaan tempatan. Kedah Tua dikatakan menjadi penerima awal kepada pengaruh Buddha yang berkembang dari Vengi, India. Pengaruh kesenian Amaravati, Gupta dan Pasca Gupta seterusnya meresap masuk ke Kedah Tua melalui India Selatan.⁸ Pengaruh India yang memberi kesan paling ketara di Kedah Tua merupakan pengaruh kerajaan Pallava.⁹ Penemuan-penemuan arkeologi di Lembah Bujang yang terdiri daripada candi dan arca Hindu-Buddha menunjukkan bahawa wujudnya penempatan penakluk-penakluk dari India, ataupun penduduk tempatan yang mengamalkan kebudayaan India. Hal ini kerana dikatakan bahawa penemuan-penemuan tersebut dianggap sebagai memiliki kesenian India asli. Walau bagaimanapun, pandangan Wales tersebut ditentang oleh Lamb dan Nik Hassan Shuhaimi.

Walaupun Teori Pembudayaan telah diperkenalkan oleh Nik Hassan Shuhaimi, kajian pertama yang menjurus kepada teori tersebut dilakukan oleh Alastair Lamb. Lamb telah menolak pandangan Wales dan menyatakan bahawa pengaruh kebudayaan India tidak diterima secara sepenuhnya, tetapi telah disulami dengan unsur kebudayaan tempatan. Pada penghujung tahun 1950-an, Alastair Lamb telah menjalankan kajian yang menyeluruh di Lembah Bujang. Di samping mengkaji senibina candi Hindu-Buddha di Lembah Bujang, Lamb turut memberi perhatian khusus terhadap penemuan seramik di Kampung Sireh dan Pengkalan Bujang.¹⁰ Kajian lain yang beliau dilakukan adalah kajian terhadap alat peripih,¹¹ fungsi tapak tiang candi Lembah Bujang¹² dan juga artifak batu persembahan.¹³ Beliau juga banyak membuat intepretasi, terutamanya mengenai kajian komparatif antara tapak di Lembah Bujang dan tapak-tapak arkeologi sezaman yang lain. Dari segi senibina Candi di Lembah Bujang, beliau membuat perbandingan dengan penemuan di Padang Lawas, Sumatera¹⁴ manakala bagi penemuan seramik dan periodisasi pula, beliau membuat perbandingan dengan penemuan di Takuapa. Kajian Lamb banyak memberi impak kepada pengetahuan tentang sejarah Kedah Tua apabila beliau mengkritik intepretasi yang dibuat oleh Wales. Lamb telah mencadangkan teori mengenai aspek budaya, kepentingan ekonomi dan periodisasi perkembangan pelabuhan Kedah Tua.

Lamb melihat dari aspek kesenian, penemuan-penemuan arkeologi Lembah Bujang berkait rapat dengan unsur kesenian tempatan yang dicampuradukkan dengan kebudayaan India, dan bukanlah kesenian India asli seperti mana yang telah dicadangkan oleh Wales.¹⁵ Dikatakan bahawa penduduk Kedah Tua yang tinggal di kawasan pesisir telah menyerap aspek-aspek tertentu unsur kebudayaan India. Mereka telah mengamalkan agama Buddha Mahayana, Saivisme dan amalan kepercayaan Tantrik hingga ke pertengahan kurun ke-15 Masihi.¹⁶ Beliau membuat *postulate* (dalil atau penaakulan) ini berdasarkan kepada

⁸ H. G. Quaritch-Wales, *The Malay Peninsula in Hindu Times*, London: Bernard Quaritch Ltd., 1976, hlm. 70-1.

⁹ H. G. Quaritch-Wales, *The Malay Peninsula*, hlm. 71.

¹⁰ Alastair Lamb, "Miscellaneous Papers", hlm. 19-20 dan 21-37, dan Alastair Lamb, "Pengkalan Bujang: An Ancient Port in Kedah", *Malaya In History*, VII, 1, 1961, hlm. 12-17.

¹¹ Alastair Lamb, "The Kedah Casket, a Review of Its Content" dalam *Malaya In History*, V, 1, 1959, hlm. 13-20.

¹² Alastair Lamb, "Miscellaneous Papers", hlm. 39-47, dan Alastair Lamb, "A Copper Casket from Pondicherry, South India: A Possible Parallel for the Stone Caskets from Chandi Bukit Batu Pahat, Kedah" dalam *Federated Museums Journal*, IX, hlm 19-20.

¹³ Alastair Lamb, "Miscellaneous Papers", hlm. 38.

¹⁴ Alastair Lamb, "Miscellaneous Papers", hlm. 1-9.

¹⁵ Alastair Lamb, "Miscellaneous Papers on Early Hindu and Buddhist Settlement in Northern Malaya and Southern Thailand" dalam *Federated Museums Journal*, VI, 1961, hlm. 80-1.

¹⁶ Alastair Lamb, "Miscellaneous Papers", hlm. 81 dan 85-6.

penemuan arkeologi, dan analisis beliau terhadap teks *Merong Mahawangsa*. Walau bagaimanapun, Lamb tidak menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai mekanisme proses pembudayaan yang berlaku. Beliau dengan jelas telah menekankan pengaruh kebudayaan tempatan dalam kesenian Kedah Tua. Beliau juga menyatakan bahawa wujudnya elemen-elemen kesenian Jawa dan Campa dalam senibina candi-candi di Lembah Bujang. Pandangan Lamb yang menyatakan bahawa penemuan arkeologi Lembah Bujang memperlihatkan ciri kesenian tempatan menjadi titik tolak kepada Teori Pembudayaan yang diasaskan oleh Nik Hassan Shuhaimi.

Nik Hassan Shuhaimi di dalam kajiannya telah menghuraikan lagi teori Lamb. Kajian yang dijalankan oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman yang telah membawa kepada pelbagai bentuk penemuan baru di Sungai Mas.¹⁷ Kajian di Sungai Mas pada ketika itu turut mendapat perhatian antarabangsa apabila tapak tersebut dipilih di dalam projek *2nd Intra – ASEAN Archaeological Excavation And Conservation Bujang Valley, Kedah Malaysia* pada 4-27 Oktober 1985.¹⁸ Hasil kajian di Sungai Mas pada tahun 1980-an, beberapa buah makalah telah ditulis mengenai kesimpulan umum berkaitan dengan bentuk kesenian dan perkembangan pelabuhan Kedah Tua.¹⁹ Pada penghujung 1980-an, beliau telah membuat kajian perbandingan antara tapak Lembah Bujang dengan Takuapa serta Barus hasil daripada kajian oleh Nik Hassan Shuhaimi telah membawa kepada satu intepretasi baru mengenai pandangan tentang periodisasi perkembangan kebudayaan Kedah Tua dan juga evolusi penempatannya. Kajian oleh Nik Hassan Shuhaimi juga telah membawa kepada wujudnya satu aliran teori utama mengenai perkembangan sosiobudaya Lembah Bujang yang telah digunakan hingga ke hari ini.

Dari segi kebudayaan, beliau menyatakan bahawa kewujudan tapak-tapak arkeologi di Lembah Bujang yang terdiri daripada candi dan arca Hindu-Buddha merupakan hasil perkembangan kesenian lokal Kedah Tua yang telah mengubahsuai kesenian India yang mereka terima.²⁰ Kepentingan Kedah Tua sebagai sebuah pelabuhan dagang telah membawa kepada wujudnya hubungan antara penduduk tempatan dengan pedagang luar, khususnya pedagang-pedagang dari India. Hubungan dagang yang wujud secara berterusan seterusnya membawa kepada proses akulturasi budaya. Proses akulturasi budaya tersebut menjadi titik permulaan kepada proses penerimaan aspek-aspek tertentu kebudayaan India oleh penduduk tempatan. Telah disimpulkan bahawa masyarakat di Kedah Tua membuat perhubungan

¹⁷ Antara artifak penting yang ditemui pada ketika itu adalah arca Hariti dan Kepala Buddha. Lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, *Warisan Lembah Bujang*, hlm. 62-3.

¹⁸ Di dalam kajian ini, perhatian telah diberikan terhadap kajian geomorfologi Lembah Bujang, ekskavasi tapak Sungai Mas, analisis senibina Hindu-Buddha, dan juga kerja-kerja konservasi. Lihat "Anonymous, Intra–Asean Archaeological Excavation and Conservation Project, Bujang Valley, Kedah, Malaysia, 4-27 Oktober 1985", *Laporan Ekskavasi, ASEAN/85 COCI – AEC/Rpt 1*, 25 Oktober 1985.

¹⁹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Sejarah Penyelidikan Arkeologi di Kedah dan Seberang Perai" dalam *Lembah Bujang. The Bujang Valley*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 18-21.; Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Arca Buddha dari Lembah Bujang serta Hubungannya dengan *Style Arca* Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera antara abad ke-9 dan ke-14" dalam *Pertemuan Ilmiah Arkeologi II*, Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional, 1982, hlm. 165-81, dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Arkeologi dan Kesenian Purba di Lembah Sungai Muda: Satu Kajian Tentang Pelabuhan Negeri di Lembah Sungai Muda di Abad Ke-6 hingga Abad ke- 10 Masihi", dalam *Pertemuan Ilmiah Arkeologi IV*, Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional, 1986, hlm. 277-304.

²⁰ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Art, Archaeology and The Early Kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatra: c.400-1400 AD", Tesis Kedoktoran, London: University of London, 1984, hlm. 242.

dengan India sejak kurun ke-5 atau ke-6 M.²¹ Hasil daripada hubungan tersebut, agama Buddha berkembang pesat di Sungai Mas.²² Bukti arkeologi yang digunakan untuk menyokong hujah ini adalah penemuan arca Buddha dari tapak 16A, pecahan arca kepala Buddha, arca Hariti dan tinggalan candi Buddha.²³ Fasa Buddha tersebut dikatakan berlarutan dari kurun ke-5 hingga ke-10 Masihi dengan Sungai Mas sebagai pusat pelabuhannya.²⁴ Berdasarkan kepada jumpaan-jumpaan arkeologi yang wujud, dikatakan bahawa semasa fasa awal perkembangan Kedah Tua sebagai sebuah pusat entrepôt, Sungai Mas dianggap sebagai pusat Kerajaan terawal di Kedah Tua.

Pada kurun ke-10 hingga kurun ke-13 Masihi, dikatakan bahawa pusat perdagangan Kedah Tua beralih ke Pengkalan Bujang, sekitar kawasan Sungai Bujang, iaitu salah satu cabang ke utara Sungai Merbok. Pada ketika ini, penduduk Kedah Tua mengamalkan agama Hindu-Saivisme. Dinyatakan bahawa Pengkalan Bujang merosot pada kurun ke -13 dengan kedatangan agama Islam. Pandangan ini dibuat berdasarkan kepada penemuan yang wujud di sekitar kawasan Sungai Bujang, Sungai Batu, Kampung Pendi dan kawasan-kawasan di sekitarnya. Penemuan-penemuan tersebut terdiri daripada candi-candi Hindu-Buddha, longgokan seramik, arca dan manik. Dalam fasa ini, dikatakan agama Hindu Shiva adalah dominan. Bukti yang digunakan pula adalah candi-candi tersebut dibina daripada bahan mentah tempatan, dan ditekankan juga keringkasan senibinanya.

Pandangan yang dikemukakan oleh Wales secara jelas memperlihatkan unsur etnosentrisme yang terlalu menekankan peranan Tamadun India yang membentuk keadaan sosiobudaya di Asia Tenggara, secara khususnya di Kedah Tua. Beliau berpegang kepada pandangan bahawa pada zaman klasik, Kedah Tua sentiasa wujud sebagai "India Kecil" dengan masyarakatnya mengadaptasi pengaruh India secara sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pandangan Lamb yang seterusnya dikembangkan lagi oleh Nik Hassan Shuhaimi berpendapat bahawa walaupun penduduk di Kedah Tua menerima kebudayaan India, kebudayaan tersebut tidak diterima secara menyeluruh. Wujud daya inovasi oleh penduduk tempatan, apabila kebudayaan dan kesenian India yang diterima diubahsuai mengikut kesesuaian mereka. Walaupun wujud perbezaan dari segi mekanisme dan bentuk penerimaan kebudayaan oleh sarjana-sarjana tersebut, kesemua mereka menerima bahawa kesemua penemuan arca dan candi Hindu-Buddha merupakan hasil tangan penduduk tempatan.

Analisa dan Kritikan

Hujah-hujah di dalam teori Indianisasi didiri berdasarkan kepada interpretasi langsung terhadap data arkeologi yang wujud. Mereka telah melihat lokasi-lokasi monumen yang wujud sebagai mewakili kawasan penempatan penduduk. Hal ini seterusnya membawa kepada andaian bahawa monumen tersebut dibina hasil daripada inisiatif dan kepercayaan penduduk tempatan. Andaian tersebut tidak semestinya benar kerana ia masih belum disokong oleh sebarang bukti kukuh. Secara hakikatnya, perbincangan tentang keadaan sosiobudaya Kedah Tua tidak sepatutnya ditumpukan hanya kepada kajian terhadap artifak semata-mata. Hal ini kerana artifak-artifak yang ditemui di Lembah Bujang cuma dapat memberi sebahagian kecil sahaja daripada gambaran keseluruhan tentang Kedah Tua. Artifak

²¹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Temuan Artifak dari Lembah Bujang Abad 5-13 Masihi dan Hubungannya dengan Temuan-Temuan Arkeologi dari Tapak Barus Raya" dalam *JAM*, 15, 2002, hlm. 50.

²² Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim, *Warisan Lembah Bujang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 99.

²³ Michel Jacq Hergoualc'h, *The Malay Peninsula*, 2002, hlm. 203-6, 223 dan 225.

²⁴ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Temuan Artifak dari Lembah Bujang", hlm. 53-4.

yang ditemui di Kedah Tua tidak semestinya bermaksud ia menjadi sebahagian daripada kebudayaan material penduduk Kedah Tua. Di samping dari penelitian terhadap artifak yang wujud, perbincangan mengenai kebudayaan juga perlu dilandaskan kepada pertimbangan terhadap faktor substruktur ekonomi dan persekitaran *ecozone* (persekitaraan alam), dua faktor utama yang menentukan arah tuju perubahan sosioekonomi sesebuah masyarakat.

Teori Indianisasi diperhati melibatkan bentuk interpretasi yang agak kurang realistik.²⁵ Objektif kajian yang terhad dan permasalahan kajian yang kurang jelas yang dimiliki oleh kebanyakan pengkaji lepas di Lembah Bujang menyebabkan data-data yang dihasilkan cuma bersifat deskriptif,²⁶ tidak menyumbang banyak perkara terhadap pengetahuan tentang kesinambungan dan perubahan sejarah Kedah Tua. Di samping itu, mekanisme perubahan sosial masyarakat Kedah Tua iaitu bagaimana proses putaran ganas atau akulturasi budaya yang didakwa berlaku atau benar-benar berlaku tidak diterangkan secara sistematik. Asosiasi yang cuba dibuat antara artifak dan masyarakat tidak disertakan dengan penerangan tentang bentuk evolusi kebudayaan yang seterusnya menjurus kepada kewujudan penemuan tersebut. Pandangan Wales yang melihat kota-kota pesisir Selat Melaka termasuk Kedah Tua yang wujud sebagai taklukan kuasa Pallava dan Pala²⁷ belum dapat disokong dengan bukti-bukti yang meyakinkan. Walaupun wujud penemuan-penemuan arkeologi yang dapat disahkan berasal dari India, ia tidak semestinya menunjukkan bahawa pendatang yang singgah di Kedah Tua dan membawa barangan tersebut terdiri daripada golongan penakluk. Kemungkinan juga artifak-artifak tersebut dibawa oleh para pedagang yang singgah sebentar di Kedah Tua sementara menunggu pertukaran angin monsun. Hal ini adalah tidak menghairankan jika dipertimbangkan lokasi Kedah Tua yang terletak di pintu masuk Selat Melaka dan menghadap ke Teluk Bengal.

Walaupun kemungkinan besar wujud komuniti India di Kedah Tua sebagaimana yang wujud di Sumatera²⁸ dan Selatan Thai,²⁹ timbul pertikaian tentang sejauh mana masyarakat tersebut boleh menakluk, dan menguasai sistem politik dan sosiobudaya penduduk tempatan di Kedah Tua. Di samping itu, masih belum ditemui prasasti yang dapat menunjukkan kewujudan bentuk penempatan tetap masyarakat India serta peranan mereka di dalam stratifikasi sosial masyarakat tempatan. Bagi sebuah kuasa asing menakluk dan mengubah keadaan sosiobudaya sesebuah masyarakat lain, sudah semestinya memerlukan kepada wujudnya jumlah tentera dan penakluk yang besar. Walau bagaimanapun, masih belum ditemui penemuan arkeologi yang menunjukkan bahawa wujudnya satu migrasi berterusan pendatang dari India ke Kedah Tua. Kebanyakan arca yang ditemui cuma wujud dalam bentuk serpihan kecil dan mudah. Bukti-bukti tersebut sudah semestinya tidak cukup untuk mempertahankan hujah bahawa wujudnya koloni-koloni India yang mampu untuk menyebarkan kebudayaan mereka kepada penduduk tempatan. Pandangan Wales yang kadangkala lebih bersifat *a priori* (andaian) amat dibayangi oleh unsur etnosentrisme beliau yang terlalu menekankan pengaruh ketamadunan India di dalam proses perkembangan

²⁵ Hal ini dapat dilihat di dalam pandangan Wales yang secara melulu meletakkan Semenanjung Tanah Melayu adalah kawasan dengan penduduk yang paling banyak menerima kebudayaan India. Lihat H. G. Quaritch-Wales, *The Making of Greater India*, hlm. 32. Hal yang sama dapat dilihat di dalam pandangan Nik Hassan Shuhaimi yang cuma menggunakan penemuan beberapa buah arca dan runtuhannya candi-candi kecil sebagai bukti wujudnya perkembangan pesat agama Buddha di Kedah Tua. Lihat Nik Hassan Shuhaimi dan Othman, *Warisan Lembah Bujang*, hlm. 99-100.

²⁶ Pendapat ini berdasarkan rangkuman pembacaan bahan-bahan yang berkaitan.

²⁷ H. G. Quaritch-Wales, "Archaeological Research on Ancient Indian Colonization in Malaya" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Studies*, XVIII, 1, 1940, hlm. 73.

²⁸ Lihat Bambang Budi Utomo, *Prasasti prasasti Sumatra*, Jakarta: Pusat Penelitian dan Pengembangan Arkeologi Nasional, 2007, hlm. 91.

²⁹ Alastair Lamb, "Miscellaneous Papers", hlm. XLI.

budaya di Kedah Tua. Dalam hujah-hujahnya, beliau banyak mendasarkan teorinya kepada andaian yang kurang disokong oleh data-data yang kukuh. Data-data yang digunakan cuma terdiri daripada kesan-kesan runtuhannya monumen Hindu-Buddha, yang tidak semestinya dapat menggambarkan bahawa wujudnya koloni India di Kedah Tua.

Alastair Lamb dan Nik Hassan Shuhaimi pula mendakwa bahawa berlaku pengindiaan penduduk Kedah Tua hasil daripada kontak dengan pedagang India, melalui proses akulturasi budaya, bukan putaran ganas sepertimana yang didakwa oleh Wales. Tahap awal proses pengindiaan tersebut dikatakan berlaku sejak zaman prasejarah lagi. Masyarakat awal Guar Kepah dianggap sebagai masyarakat awal yang telah mula menerima pengaruh India.³⁰ Walaupun boleh dibuktikan wujud masyarakat prasejarah di Guar Kepah, tetapi apakah mereka merupakan masyarakat yang menerima pengaruh India? Hal ini masih belum dapat dipastikan. Mekanisme proses evolusi yang didakwa berlaku masih belum diketahui. Sekadar wujud perhubungan dagang dengan pendatang dari India adalah tidak cukup untuk "mentamadunkan" masyarakat pra-sejarah tersebut, jika substruktur ekonominya masih belum matang. Penemuan yang wujud di Guar Kepah cuma terdiri daripada alat-alat batu Hoabinh dan cengkerang-cengkerang siput. Apatah lagi, sehingga kini masih belum ditemui sebarang penemuan yang dapat membuktikan bahawa benar-benar wujud perhubungan antara masyarakat tersebut dengan dunia luar. Kini timbul persoalan, adakah benar masyarakat Guar Kepah benar-benar merupakan pengasas kepada masyarakat Kedah Tua?

Lamb dan Nik Hassan Shuhaimi meletakkan candi-candi di Lembah Bujang sebagai hasil seni bina tempatan. Alasan yang digunakan termasuklah atas dasar bahan binaannya merupakan hasil tempatan.³¹ Hujah ini adalah kurang meyakinkan kerana bahan binaan sesebuah candi tidak semestinya menggambarkan atas inisiatif siapa candi itu dibina. Bahan-bahan tempatan yang digunakan seperti kayu dan tanah liat tidak boleh dijadikan bukti bahawa candi-candi tersebut memiliki kesenian tempatan. Hal ini kerana bahan yang sama (kayu dan tanah liat) turut digunakan di dalam pembinaan kuil-kuil di India.³² Di samping itu, diketahui bahawa Kedah Tua terletak di kawasan muara sungai yang kaya dengan tanah liat untuk menghasilkan bata dan juga merupakan kawasan yang kaya dengan kayu kayan. Oleh yang demikian, sudah semestinya pendatang dari India akan menggunakan sumber tempatan tersebut sebagai bahan binaan candi-candi mereka.

Selain itu, dinyatakan bahawa candi-candi di Lembah Bujang merupakan hasil kesenian tempatan kerana senibinanya adalah terlalu ringkas.³³ Sebagai sebuah pelabuhan dagang, sudah semestinya Kedah Tua dilawati oleh pedagang-pedagang India, yang turut punya kemampuan dan kemahiran untuk membina candi-candi tersebut. Walau bagaimanapun, Kedah Tua sebagai sebuah pelabuhan dagang cuma akan disinggah oleh para pedagang sementara menunggu waktu pertukaran angin monsun yang selalunya memakan masa 3-4 bulan.³⁴ Kemungkinan candi-candi yang wujud di Lembah Bujang memiliki kesenian yang ringkas kerana jumlah masa yang terhad bagi para pedagang untuk membina struktur-struktur tersebut. Arca-arca yang bersaiz kecil dan mudah diangkut pula kemungkinan besar dibawa masuk dan ditinggalkan oleh para pedagang. Bagi mengesahkan sesebuah arca atau candi sebagai hasil kesenian Kedah Tua, perlu wujud atribut atau identiti khas yang dapat menciri dan membezakan sama ada sesebuah penemuan itu merupakan hasil kebudayaan material penduduk tempatan atau tidak. Kita dapat membandingkan penemuan-penemuan yang wujud di Indochina, Pulau Jawa dan Sumatera yang mempunyai ciri-ciri dan

³⁰ Nik Hassan Shuhaimi dan Othman, *Warisan Lembah Bujang*, hlm. 99.

³¹ Nik Hassan Shuhaimi, "Art, Archaeology, and Early Kingdoms", hlm. 242.

³² Stella Kramrisch, *The Hindu Temple Vol I*, Delhi: Motilal Banarsidass, 1976, hlm. 99-100.

³³ Nik Hassan Shuhaimi, "Art, Archaeology, and Early Kingdoms", hlm. 242.

³⁴ Lihat Michel Jacq Hergoualc'h, *The Malay Peninsula*, hlm. 19-21.

identiti khas bagi kesenian mereka. Sayangnya atribut tersebut masih belum dapat dikenalpasti di Kedah Tua.

Konsep *Local Genius*

Konsep *local genius* boleh diertikan sebagai kebudayaan asal penduduk tempatan yang menjadi asas kepada proses Indianisasi. Bagi membolehkan berlakunya proses Indianisasi, perlu wujud *local genius* yang sesuai untuk menyerap aspek-aspek kebudayaan India tersebut. Hal ini demikian kerana Indianisasi cuma melibatkan pencedukan sebahagian kecil daripada aspek kebudayaan India terhadap kebudayaan tempatan, dan seterusnya, hasil cedukan tersebut diubahsuai berdasarkan kesesuaian tempatan. Contoh budaya *local genius* termasuklah peradaban Dongosonian dan Megalitik. Hasil daripada proses akulturasi budaya antara kebudayaan tempatan dan aspek kebudayaan India, terbentuklah kebudayaan Indo-Khmer dan Indo-Jawa yang mempunyai identiti sendiri. Konsep *local genius* mula-mula diperkenalkan oleh H. G. Quaritch-Wales (1951) dalam bukunya *The Making of Greater India*. Beliau mengertikan konsep *local genius* sebagai pengetahuan atau kepakaran yang wujud dalam sesuatu masyarakat yang mengalami Indiansasi. Di dalam buku tersebut, beliau menyatakan bahawa Indianisasi tidak melibatkan suatu proses apabila kebudayaan India yang datang terus diterima oleh penduduk tempatan yang tidak bertamadun. Tetapi, konsep ini diertikan sebagai suatu proses akulturasi budaya yang tidak melibatkan pengadaptasian kebudayaan secara *en bloc*. Budaya yang diterima itu diproses dan diubahsuai mengikut kesesuaian sesebuah masyarakat sebelum diserap menjadi sebahagian daripada unsur kebudayaan tempatan.

Kini timbul persoalan tentang apa atau siapa yang memanipulasikan entiti kebudayaan yang diserap melalui proses Indianisasi? Persoalan ini boleh dijawab melalui kajian terhadap peradaban yang wujud di Indochina dan Jawa sebelum kemasukan kebudayaan India. Di tempat-tempat tersebut, diperhatikan walaupun berlaku proses Indianisasi, kesenian dan kebudayaan penduduk tempatan di sana tetapi berlainan di antara satu sama lain. Perbezaan kebudayaan yang wujud pada kedua-dua tamadun di Jawa dan Indochina mencerminkan peranan unsur *local genius* terhadap proses Indianisasi. Kebudayaan tempatan yang mampu menyerap kebudayaan India untuk memperkayakan kebudayaannya sendiri itulah yang dirujuk sebagai *local genius*. Oleh itu, konsep *local genius* diertikan sebagai suatu pengetahuan atau kebolehan yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat primordial untuk menerima, memilih, mengubahsuai dan menyerap entiti kebudayaan India melalui proses akulturasi budaya. Kebudayaan India yang telah mengalami empat proses tersebut kemudiannya diasimilasikan dengan kebudayaan primordial untuk menghasilkan kebudayaan hibrid yang mencirikan ketamadunan penduduk tempatan dan tidak lagi melambangkan kebudayaan India yang asli. *Local genius* jelas diperhatikan merujuk kepada kepakaran ataupun pengetahuan, dan bukannya kelompok manusia.

Local genius memainkan peranan yang amat penting terhadap pembentukan kebudayaan awal di Asia Tenggara. Hal ini demikian kerana proses Indianisasi itu sendiri merupakan suatu proses akulturasi budaya yang tidak boleh berlaku tanpa kewujudan kebudayaan yang menjadi *host* pembentukan kebudayaan hibrid tersebut. Berdasarkan kajian terhadap perkembangan ketamadunan Dongsonian-Han dan Megalitik di Indochina dan kepulauan Melayu berkembang menjadi peradaban Indo-Jawa, Indo-Khmer and Indo-Champa. Perkembangan kebudayaan-kebudayaan tersebut boleh dibuktikan melalui penemuan monumen, arca dan prasasti dalam jumlah yang amat banyak di kawasan-kawasan tersebut. Di kawasan-kawasan yang mengalami proses Indianisasi, telah berkembang

kerajaan-kerajaan yang besar seperti Srivijaya, Suvarnabhumi, Mataram, Majapahit, Angkor dan Champa. Setiap satu kerajaan tersebut mempunyai ciri tersendiri dari segi struktur sosiobudayanya. Kawasan-kawasan perkembangan kerajaan-kerajaan tersebut juga merupakan tempat berkembangnya kebudayaan *local genius*. Walau bagaimanapun, keadaan adalah berbeza bagi perkembangan kebudayaan di Kedah Tua. Hal ini kerana, sehingga kini, masih belum ditemui sebarang bentuk penemuan arkeologi yang mencerminkan penyerapan kebudayaan India di sini seperti mana yang ditemui di Jawa mahupun Indochina. Sekurangnya sehingga sekarang setelah banyak eskavasi dijalankan, namun bukti arkeologi berkaitan hal tersebut masih belum ditemui.

Proses Indianisasi

Pelbagai bentuk kebudayaan India telah memasuki rantau Asia Tenggara secara berterusan, antaranya ialah pengaruh Amaravati, Gupta, Pala, Sena dan Chola. Pengaruh kemasukan kebudayaan tersebut telah membawa kesan yang mendalam terhadap kebudayaan masyarakat di Asia Tenggara. Proses akulturasi budaya yang berlaku di antara kebudayaan tempatan dan kebudayaan India bukanlah suatu proses yang disengajakan ataupun dirancang, tetapi lebih berbentuk proses yang berlaku secara separuh sedar yang diakibatkan oleh keterbiasaan penduduk tempatan dengan kewujudan pedagang/ pengembara India. Walaupun proses Indianisasi bermula dan diambil dari India, diperhatikan bahawa kesenian, kebudayaan, dan kepercayaan tamadun-tamadun yang telah mengalami proses tersebut masih mempunyai identiti yang tersendiri dan berbeza mengikut lokasi tamadun yang dirujuk. Antara persoalan yang wujud adalah sejauh manakah penembusan kebudayaan India terhadap masyarakat tempatan? Apakah faktor yang membawa kepada kepelbagaian kebudayaan yang sama-sama mengalami proses Indianisasi yang sama? Adakah proses Indianisasi yang menjadi faktor pencetus kepada perkembangan peradaban di Asia Tenggara ataupun sebaliknya? Adakah proses Indianisasi benar-benar mengekalkan identiti asas keindiaan atau cuma merupakan suatu proses memperkayakan kebudayaan tempatan? Antara persoalan yang paling penting ialah bagaimanakah sepatutnya kita mendefinisikan proses Indianisasi itu sendiri?

Berdasarkan pandangan George Coedes dalam penulisannya, *The Indianized States of South East Asia*, proses Indianisasi boleh ditakrifkan sebagai suatu proses penyebaran dan pengadaptasian budaya yang teratur oleh penduduk tempatan di Asia Tenggara berdasarkan kepada fahaman India yang dicirikan oleh anutan agama Hindu-Buddha, penggunaan bahasa Sanskrit sebagai bahasa rasmi atau bahasa suci, dan kepercayaan terhadap mitologi dari Puranas (Coedès 1968: 15-16). Antara abad ke-4 hingga abad ke-14 Masihi, pengaruh Hindu-Buddha dianggap sebagai dominan di Asia Tenggara dan penyebaran pengaruh India tersebut telah membawa kepada kewujudan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara. Walaupun definisi tersebut boleh diaplikasikan terhadap banyak kebudayaan yang wujud di Asia Tenggara, tetapi, jika diperhatikan cara pembentukan kebudayaan di Asia Tenggara, definisi tersebut tidak dapat digunapakai. Beliau merujuk proses Indianisasi sebagai suatu Penyebaran Kebudayaan yang teratur, dan ini bermaksud proses Indianisasi tersebut berlaku secara *en bloc* dari suatu wilayah yang sama dari India. Di samping itu, difahamkan juga bahawa proses Indianisasi berlaku secara berterusan. Walau bagaimanapun, proses Indianisasi merupakan suatu proses yang amat kompleks dan tidak boleh diertikan sebagai suatu penyebaran kebudayaan semata-mata. Hal ini melibatkan proses akulturasi budaya yang berlaku dalam masa yang panjang, dengan kebudayaan India yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai tempatan menyerap masuk sedikit demi sedikit ke dalam kebudayaan tempatan. Proses akulturasi kebudayaan tersebut berlaku bukanlah dengan sengaja, tetapi lebih

berbentuk tidak sengaja atau separa-sedar dengan penyebaran kebudayaan tersebut tidak berlaku di atas keperluan.

Proses akulturasi budaya tersebut berlaku melibatkan banyak aspek kebudayaan penduduk tempatan, iaitu kesenian, penulisan, sosiopolitik dan sosiobudaya. Walau bagaimanapun, aspek kebudayaan yang dipengaruhi oleh Indianisasi tidak mewakili kebudayaan sebenar di India kerana kebudayaan yang diserap tersebut telah diubahsuai oleh *local genius* tempatan. Apabila sesuatu kebudayaan tempatan mengalami proses Indianisasi, maka kebudayaan ini terus berevolusi dengan ciri-ciri India dan tempatan bercampur gaul, diubahsuai, dan sesetengahnya direka untuk menyesuaikan dengan kesesuaian tempatan. Selepas itu, akan dicapai suatu peringkat apabila sesuatu kebudayaan itu mencapai suatu tahap kematangan. Apabila tahap ini tercapai, kebudayaan itu sendiri menjadi *superior* dan tidak lagi mewakili kebudayaan India yang sebenar. Kebudayaan yang telah mencapai tahap kematangan membawa kepada perkembangan kebudayaan yang menjadi identiti masyarakat tempatan tersebut dari segi penulisan, kesenian, kesusasteraan, pentadbiran dan organisasi sosial. Oleh yang demikian, pengetahuan tentang Indianisasi tidak sepatutnya dihadkan oleh definisi yang tidak fleksibel. Definisi Indianisasi perlu dikembangkan agar dapat diaplikasi ke atas kajian kebudayaan tamadun-tamadun awal di Asia Tenggara yang dipisahkan oleh ruang dan masa. Indianisasi seharusnya didefinisikan sebagai satu bentuk akulturasi budaya antara kebudayaan tempatan dan kebudayaan India dengan peranan *local genius* sebagai asas kepada pembentukan kebudayaan tersebut. Indianisasi dicirikan dengan perkembangan kesenian yang berevolusi secara bebas, pengaruh *dharmasastras* (hukum politik dan undang-undang, pentadbiran kerajaan) terhadap sosio-politik dan sosiobudaya, pengadaptasian bentuk tulisan India dan penyaduran mitologi puranas terhadap kesusasteraan tempatan.

Indianisasi Di Kedah Tua

Berdasarkan kepada definisi yang dirumuskan mengenai masyarakat yang telah mengalami proses Indianisasi, masyarakat awal di Indochina, Pulau Jawa dan Bali tempat berdirinya kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha memiliki beberapa ciri yang jelas. Antaranya merupakan penggunaan kalender Saka, adaptasi aksara India terhadap bahasa tempatan, pengamalan hukum *dharmasastra*, penggunaan bahasa Sanskrit dan Pali dalam upacara keagamaan dan penyaduran epik Purana dalam tradisi dan kesusasteraan tempatan. Ciri-ciri tersebut menjadi penanda aras kepada penerimaan unsur kebudayaan India di pulau Jawa dan Indochina. Hal ini dibuktikan dengan penemuan-penemuan arkeologi di Pulau Jawa dan Indochina yang jelas menampakkan ciri-ciri tersebut yang terdiri daripada prasasti, monumen Hindu-Buddha, arca serta karya-karya sastera. Walau bagaimanapun, pola perkembangan yang sama tidak berlaku di Kedah Tua. Diketahui bahawa Kedah Tua diapit oleh dua tamadun yang menerima pengaruh Hindu-Buddha di Utara dan Selatan (Khmer dan Jawa). Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ditemui penemuan arkeologi yang benar-benar dapat mengesahkan bahawa telah berlaku proses Indianisasi terhadap masyarakat yang mendiami kawasan tersebut sepertimana yang telah berlaku di Jawa atau Indochina. Hal ini menimbulkan persoalan dalam pengkajian sejarah awal Kedah Tua, apakah interpretasi dibuat berdasarkan fakta atau persepsi?

Antara kawasan di Kedah Tua yang memiliki penemuan arkeologi yang dapat dikaitkan dengan pengaruh India merupakan tapak Lembah Bujang, tempat terletaknya pelabuhan Kedah Tua (Nik Hassan Shuhaimi, 1992). Kedah Tua sebagai salah sebuah daripada beberapa buah negara kota, sudah semestinya memiliki kesemua ciri yang telah dinyatakan tersebut. Hal ini kerana, keadaan politik dan sosiobudaya pelabuhan Kedah Tua berkembang di atas substruktur ekonomi dan persekitaran *ecozone* yang sama dengan

pelabuhan-pelabuhan kecil lain di bahagian utara. Satu-satunya perbezaan yang wujud antara Kedah tua dan kota-kota pelabuhan yang lain ialah perkembangan Kedah Tua sebagai sebuah pusat entrepôt. Perkembangan ini pula berpunca daripada keadaan geografi dan lokasinya yang strategik. Oleh yang demikian, gambaran tentang sosioekonomi masyarakat di Kedah Tua perlu bertolak daripada analisis keberadaan persekitaran *ecozone* dan juga substruktur ekonomi yang wujud. Walaupun wujud penemuan-penemuan monumen, prasasti dan arca, tetapi hal ini tidak meletakkan perkembangan kebudayaan Kedah Tua sama seperti kerajaan-kerajaan lain di Asia Tenggara yang mengalami proses Indianisasi.

Hampir kesemua sarjana menyatakan bahawa Kedah Tua merupakan sebuah pelabuhan dagang yang amat penting. Sememangnya pandangan ini disokong dengan bukti-bukti yang kuat berdasarkan kepada penemuan prasasti, serpihan seramik, arca, dan bekas tinggalan monumen. Penemuan-penemuan tersebut telah dengan jelas membuktikan kepentingan Kedah Tua sebagai sebuah pelabuhan entrepôt. Walau bagaimanapun, jumpaan-jumpaan arkeologi tersebut cuma memberi gambaran tentang kepentingan ekonomi Pelabuhan Kedah Tua. Hal ini kerana jumpaan-jumpaan tersebut tidak semestinya menggambarkan kesenian dan kebudayaan material penduduk tempatan. Wujud persoalan di sini kerana jumpaan-jumpaan di Sungai Mas dan Pengkalan Bujang cuma terdiri daripada serpihan-serpihan arca yang kecil dan tidak lengkap. Di samping itu, candi-candi yang wujud pula bersaiz kecil dan cuma terletak di kawasan lembah-lembah sungai yang mudah dihubungi. Sedangkan diketahui di tempat-tempat lain di Kedah Tua juga ada petempatan tetapi mengapa tidak/ masih belum ditemui sebarang candi. Analisis terhadap ikonografi arca dan senibina candi dikaitkan terus dengan kebudayaan penduduk tempatan secara melulu. Pertimbangan sama ada substruktur ekonomi, persekitaran geografi, dan latar belakang sosioekonomi penduduk tempatan mampu untuk mencetuskan perkembangan kebudayaan tersebut pula hampir diabaikan.

Dakwaan yang menyatakan candi-candi di Lembah Bujang merupakan binaan tempatan atas dasar bahan binaannya merupakan hasil tempatan serta seni binanya adalah terlalu ringkas (Nik Hassan Shuhaimi 1984: 242) adalah kurang meyakinkan. Hal ini kerana bahan binaan sesebuah candi tidak semestinya menggambarkan atas inisiatif siapa candi itu dibina. Sebagai sebuah pelabuhan dagang, sudah semestinya Kedah Tua dilawati oleh pedagang-pedagang India, yang turut mempunyai kemampuan dan kemahiran untuk membina candi-candi tersebut. Adalah terlalu awal untuk mengaitkan kesenian arca dan candi di Lembah Bujang sebagai kesenian Kedah Tua. Hal ini kerana, konsep dan definisi kesenian tersebut masih belum dapat dikenalpasti. Bagi mengesahkan sesebuah arca atau candi sebagai hasil kesenian Kedah Tua, perlu wujud atribut atau identiti khas yang dapat mencirikan dan membezakan sama ada sesebuah penemuan itu merupakan hasil kebudayaan material penduduk tempatan atau tidak. Kita dapat membandingkan penemuan-penemuan yang wujud di Indochina, Pulau Jawa dan Sumatera dengan wujudnya ciri-ciri dan identiti khas dalam kesenian mereka. Dengan demikian sesuatu penemuan yang ditemui di Kedah Tua tidak semestinya bermakna penemuan tersebut merupakan hasil tangan penduduk tempatan Kedah Tua.

Pertimbangan tentang kebudayaan dan kesenian masyarakat Kedah tua perlu bertolak dari pengamatan terhadap keadaan ekonomi, persekitaran dan geopolitik yang wujud. Dari segi ekonomi diketahui bahawa Kedah tua merupakan sebuah kerajaan maritim, dan kemungkinan juga penduduk tempatan menjalankan kegiatan memungut hasil-hasil laut dan hutan. Petempatan pesisir yang wujud tersebut semestinya mempunyai substruktur ekonomi yang lemah, dan dengan keadaan tersebut, perkembangan kebudayaan dan kesenian akan turut menjadi terhad. Jumpaan candi-candi yang diperbuat daripada batu sebenarnya tidak melambangkan kebudayaan material penduduk tempatan kerana berdasarkan kepada persekitaran yang wujud, semestinya binaan-binaan di Kedah Tua adalah berasaskan kepada

kayu dan bahan-bahan yang mudah mereput. Hujah ini disokong lagi dengan saiz-saiz candi yang kecil, dan bertaburan cuma di kawasan pesisir pantai yang menunjukkan bahawa ia dibina oleh para pedagang yang singgah di pelabuhan entrepot tersebut. Jumpaan-jumpaan arca yang tidak lengkap pula tidak dapat dijadikan bukti bahawa penduduk awal di Kedah Tua memeluk agama Buddha. Hal ini kerana saiz arca-arca tersebut adalah amat kecil, dan kemungkinan besar ia cuma dibawa oleh para pedagang untuk kegunaan mereka sendiri sahaja.

Walaupun wujud pelbagai jumpaan arkeologi di Lembah Bujang yang dapat membuktikan peranannya sebagai sebuah pusat entrepôt, namun kajian tentang kebudayaan dan kepercayaan yang diamalkan perlu dibuat berdasarkan kepentingan ekonomi yang wujud bagi Kedah Tua. Interpretasi yang dibuat pula perlulah mempertimbangkan kebudayaan material penduduk tempatan. Pengetahuan tentang kebudayaan material tersebut pula boleh diandai berdasarkan kepada persekitaran flora dan geografi yang wujud. Oleh yang demikian, walaupun dengan wujudnya penemuan-penemuan arkeologi sedemikian, ia tidak mencerminkan penerimaan kebudayaan India oleh penduduk di Kedah Tua. Wujud beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia tempat berkembangnya kerajaan-kerajaan awal seperti Kuala Berang, Kuala Besut, Kuala Langat, Sungai Johor dan Hulu Kelantan. Sehingga kini masih belum ditemui sebarang penemuan arkeologi ataupun bukti lain yang menunjukkan bahawa wujud penembusan pengaruh India. Hal ini jelas mencerminkan persekitaran sosiobudaya masyarakat Semenanjung Malaysia yang jauh berbeza dengan masyarakat lain yang mengalami Indianisasi.

Dari kurun ke-7 hingga ke-14 Masihi, diperhatikan bahawa berkembangnya kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha di Selatan Sumatera dan Pulau Jawa. Di Selatan Sumatera, kerajaan Srivijaya berkembang dari kurun ke-7 hingga ke-8 Masihi dan kerajaan Suvarnabhumi berkembang dari kurun ke-9 hingga ke-13 Masihi. Di pulau Jawa pula, telah berkembang kerajaan Mataram dari kurun ke-7 hingga ke-10 Masihi, kerajaan Kadiri dari kurun ke-12 hingga ke-13 Masihi dan kerajaan Majapahit dari kurun ke-13 hingga ke-15 Masihi. Telah terbukti bahawa kerajaan-kerajaan tersebut memiliki struktur politik yang beradaptasi daripada sistem di India. Hal ini dibuktikan berdasarkan kepada bentuk stratifikasi sosial yang wujud, struktur pentadbiran yang diamalkan, konsep devaraja serta pengaruh golongan Brahman yang wujud di Istana. Ciri-ciri tersebut adalah jelas dengan penemuan arkeologi dan sumber bertulis yang wujud. Di samping itu, masyarakat di kesemua kerajaan Selatan Sumatera dan Jawa mengamalkan agama Hindu-Buddha. Hal ini tidak lagi dapat dipertikaikan berdasarkan kepada jumlah penemuan arkeologi yang memiliki pengaruh Hindu-Buddha yang amat banyak. Penemuan-penemuan tersebut terdiri daripada candi dan arca yang jelas menampakkan latar belakang sosiobudaya masyarakat di Jawa dan Selatan Sumatera yang beradaptasi dengan kebudayaan India.

Di kerajaan-kerajaan tersebut, bahasa Sanskrit digunakan dengan meluas untuk upacara keagamaan, dan kadangkala untuk tujuan rekod-rekod kerajaan. Hal ini dapat dibuktikan melalui penemuan prasasti-prasasti yang berisi mantra di terutamanya di sekitar Jambi, Palembang, dan Jawa. Di samping penggunaan bahasa Sanskrit, masyarakat di kerajaan-kerajaan tersebut telah mengadaptasi aksara-aksara dari India terhadap bahasa tempatan. Hal ini dapat dilihat dengan kewujudan prasasti-prasasti seperti Prasasti Telaga Batu, Prasasti Kelurak, Prasasti Sojomerto, Prasasti Gajayana dan ratusan lagi. Kesemua prasasti tersebut telah menggunakan aksara India Selatan yang diubahsuai berdasarkan kepada kesesuaian tempatan. Aksara India yang diadaptasi tersebut seterusnya berkembang menjadi aksara Jawa Kuno. Adaptasi terhadap penggunaan aksara tersebut membuktikan tahap penembusan kebudayaan India di kawasan tersebut. Di samping itu, salah satu ciri khas yang dimiliki oleh masyarakat di Jawa dan Selatan Sumatera adalah penggunaan kalender Saka. Hal ini dibuktikan dengan tarikh-tarikh yang digunakan dalam prasasti-prasasti yang

ditemui. Mataram, Kadiri dan Majapahit telah terbukti mengamalkan konsep *dharmasastras* dan *puranas*. Hal ini dibuktikan melalui karya-karya sastra yang dihasilkan pada zaman perkembangan kerajaan tersebut seperti *Nagarakrtagama*, *Kekawin Sutasoma*, *Carita Parahyangan* dan *Pararaton*.

Walau bagaimanapun, ciri-ciri yang dimiliki oleh kerajaan-kerajaan di Pulau Jawa dan Selatan Sumatera langsung tidak dimiliki oleh masyarakat di Kedah Tua. Dari segi konsep berkerajaan, sehingga kini masih belum ditemui bukti bahawa wujudnya corak kerajaan bercorak Hindu-Buddha di Kedah Tua. Sumber-sumber bertulis asing memberi gambaran yang kurang mengenai hal ini, manakala data prasasti dan arkeologi berkenaan struktur politik masih belum ditemui. Kerajaan-kerajaan yang wujud dalam sumber bertulis seperti Tan-Tan, Lo-Yueh, Fo-Lo-An, Kedah Tua dan Ko-Lo tidak menampakkan pengaruh India yang jelas. Persoalan mengenai bentuk stratifikasi sosial, struktur pentadbiran dan nama raja-raja yang memerintah sehingga kini masih belum boleh disokong dengan data arkeologi mahupun sejarah. Dari segi anutan agama pula, sehingga kini masih belum ditemui penemuan arkeologi berunsurkan Hindu-Buddha yang dapat dikaitkan dengan kebudayaan penduduk tempatan. Satu-satunya tapak yang mengandungi penemuan sedemikian di Lembah Bujang.

Kemungkinan besar penduduk di Kedah Tua tidak mengamalkan agama Hindu-Buddha. Hal ini kerana candi-candi yang ditemui telah dibina bukan atas inisiatif penduduk tempatan, tetapi oleh pedagang India. Penemuan-penemuan arca dan candi Hindu-Buddha tersebut tidak mencerminkan kebudayaan dan kepercayaan penduduk tempatan. Dari segi penggunaan bahasa Sanskrit dan adaptasi sistem tulisan India pula, masih belum ditemui bukti bahawa wujudnya penggunaan bahasa dan aksara tersebut. Prasasti-prasasti mantra Sanskrit yang beraksara Pallava yang ditemui di Lembah Bujang pula cuma dibawa masuk oleh pedagang India. Di samping aspek pengaruh *Dharmasastras* dan *Purana*, sehingga kini belum ditemui sebarang bukti penulisan bahawa karya dan hukum tersebut digunapakai di Kedah Tua.

Pembentukan Identiti Nasional

Berdasarkan definisi dan rumusan mengenai masyarakat yang telah mengalami proses Indianisasi, jelas masyarakat awal di Indochina, Pulau Jawa dan Bali tempat berdirinya kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha memiliki beberapa ciri yang jelas. Mereka menggunakan kalender Saka, adaptasi aksara India terhadap bahasa tempatan, pengamalan hukum *dharmasastra*, penggunaan bahasa Sanskrit dan Pali dalam upacara keagamaan dan penyaduran epik Purana dalam tradisi dan kesusasteraan tempatan. Ciri-ciri tersebut menjadi penanda aras kepada penerimaan unsur kebudayaan India di pulau Jawa dan Indochina.

Walau bagaimanapun, keadaan adalah berbeza bagi perkembangan kebudayaan di Kedah Tua. Hal ini kerana, sehingga kini masih belum ditemui sebarang bentuk penemuan arkeologi yang mencerminkan penyerapan kebudayaan India di sini seperti mana yang ditemui di Jawa mahupun Indochina. Sekurang-kurangnya sehingga sekarang setelah banyak eskavasi dijalankan, namun bukti arkeologi berkaitan hal tersebut masih belum ditemui. Hal ini membawa kepada kenyataan bahawa sejarah Kedah Tua lebih banyak diinterpretasikan berdasarkan persepsi berbanding fakta.

Jika kesimpulan ini boleh diterima maka tentunya ada implikasi dalam pembentukan identiti nasional di negara ini. Hal ini kerana fakta sejarah/ arkeologi yang selama ini dipercayai sebagai betul perlu dikaji semula supaya tidak lagi hanya berdasarkan persepsi semata-mata tetapi sebaliknya harulah dapat dibuktikan dengan fakta yang jelas dan betul. Dengan demikian barulah pembentukan identiti nasional di negara ini dapat ditentukan dengan tepat.

Dalam konteks pembentukan identiti nasional harus dapat dibezakan antara identiti Melayu dan identiti India itu sendiri. Jika perbincangan ini boleh diterima maka jelas Indianisasi tidak pernah berlaku di Kedah Tua. Identiti atau budaya India yang ada dalam adat istiadat Melayu khususnya yang berkaitan dengan raja-raja adalah datangnya dari Palembang atau Parameswara. Ini juga adalah adat istiadat diraja bukannya untuk orang kebanyakan. Jadi akar umbi kebudayaan India bukannya berasal daripada Kedah Tua tetapi dibawa oleh pihak pemerintah yang dapat ke Tanah Melayu kemudiannya. Dengan demikian jelaslah adanya perbezaan penerimaan kebudayaan India antara Kedah Tua dan Negara Hindu Buddha yang sezaman.

Kesimpulan

Perbezaan tersebut berkait rapat dengan perbezaan kadar penembusan kebudayaan tersebut dengan perbezaan faktor demografi, substruktur ekonomi dan persekitaran ekozon masyarakat Asia Tenggara yang menentukan bentuk *local genius* yang wujud. Seperti yang telah dibincangkan, perbezaan struktur *local genius* membawa kepada mekanisme proses Indianisasi yang berbeza-beza. Sehingga kini, masih belum dapat dibuktikan bahawa masyarakat di Kedah Tua memiliki ciri-ciri masyarakat yang mengalami proses Indianisasi sepertimana yang telah berlaku di Jawa ataupun Indochina. Timbul pula persoalan mengenai penembusan kebudayaan India yang paling minima di Kedah Tua. Kini, diketahui bahawa proses Indianisasi cuma boleh berlaku dengan kewujudan *local genius* menentukan arah evolusi sesuatu kebudayaan. Berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap substruktur ekonomi negara-negara kota maritim dan keadaan persekitaran geografi yang wujud, beberapa kesimpulan umum dapat dibuat tentang ciri-ciri yang dimiliki oleh negara-negara kota tersebut. Antaranya adalah kewujudan populasi yang kecil (Shigeru 1988: 5), sistem hierarki sosial yang ringkas (Kathirithamby 1990: 2-3), kegiatan ekonomi yang melibatkan pengumpulan hasil-hasil hutan dan perdagangan (Leong 1990: 19), dan lokasinya di kawasan muara-muara sungai. Di samping itu, diketahui juga bahawa negara-negara kota tersebut wujud sebagai entiti-entiti politik yang kecil dan lemah. Hierarki sosial yang ringkas melibatkan sistem pemerintahan bentuk *chiefdom*. Sistem tersebut melibatkan sesebuah masyarakat dengan keadaan stratifikasi sosial yang ringkas, dan pembahagian tenaga kerja yang kurang jelas.

Adaptasi terhadap kebudayaan India yang memerlukan struktur ekonomi yang kukuh, organisasi sosial yang kompleks serta populasi manusia yang besar. Hal ini kerana kebudayaan India bersifat amat kompleks dan merangkumi aspek kesusasteraan, sistem politik dan ekonomi, tulisan, mitologi, kesenian dan kalender. Oleh yang demikian, adaptasi terhadap kebudayaan India oleh sesebuah masyarakat memerlukan kebudayaan *local genius* yang memiliki tahap perkembangan yang tinggi dan memiliki kebudayaan material yang sama dengan kebudayaan India. Dengan ciri-ciri tersebut yang wujud pada kota-kota awal Kedah Tua yang memiliki organisasi politik yang amat ringkas dan substruktur ekonomi yang kurang kukuh menyebabkan kebudayaan India yang lebih kompleks tidak berasimilasi dengan kebudayaan *local genius* penduduk di Kedah Tua. Kemungkinan besar, ketika berkembangnya tamadun Hindu-buddha di Asia Tenggara, masyarakat di Kedah Tua kekal sebagai masyarakat animisme.

Bibliografi

- Anonymous, "Intra-Asean Archaeological Excavation and Conservation Project, Bujang Valley, Kedah, Malaysia, 4-27 Oktober 1985", *Laporan Ekskavasi*, ASEAN/85 COCI - AEC/Rpt 1, 25 Oktober 1985.
- Allen, Jane S. "Trade and Site Distribution In Early Historic Period Kedah, Geoarchaeological, Historic and Locational Evidence", dalam *Indo-Pacific Prehistoric Assn. Bulletin* 10, 1991, hlm. 315-6.
- Allen, Jane S. "Trade, Transportation, and Tributaries: Exchange, Agriculture and Settlement Distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia", *Tesis Kedokteran*, Hawaii: University of Hawaii, Tidak diterbitkan, 1988.
- Braddell, Roland. "The Study of Ancient Times in The Malay Peninsula and Straits of Malacca" dalam *JMBRAS*, Jld. XXIII, 1989.
- Coedes, G. *The Indianized States of Southeast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 1968.
- Jacq-Hergoualac'h, Michel. *The Malay Peninsula: Crossroads of the Maritime Silk Road [100BC-1300AD]*, Leiden: Koninklijk Brill N. V., 2002.
- Kathirithamby-Wells, J. "Introduction: An Overview", dalam J. Kathirithamby-Wells dan John Villiers (Ed), *The Southeast Asian Port and Polity*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hlm. 1-13.
- Kramrisch, Stella. *The Hindu Temple Vol I*, Delhi: Motilal Banarsidass, 1976.
- Lamb Alastair., "Miscellaneous Papers", hlm. 39-47, dan Alastair Lamb, "A Copper Casket from Pondicherry, South India: A Possible Parallel for the Stone Caskets from Chandi Bukit Batu Pahat, Kedah" dalam *Federated Museums Journal*, IX.
- Lamb, Alastair. "Miscellaneous Papers on Early Hindu and Buddhist Settlement in Northern Malaya and Southern Thailand" dalam *Federated Museums Journal*, VI, 1961, hlm. 80-1.
- Lamb, Alastair. "Pengkalan Bujang: An Ancient Port in Kedah", *Malaya In History*, VII, 1, 1961, hlm. 12-17.
- Lamb, Alastair. "The Kedah Casket, a Review of Its Content" dalam *Malaya In History*, V, 1, 1959, hlm. 13-20.
- Leong Sau Heng, "A Study of Ceramic Deposits from Pengkalan Bujang, Kedah", dalam *Tesis Sarjana*, Tidak diterbitkan, Universiti Malaya, 1973.
- Leong, Sau Heng. "Collecting Centres, Feeder Points, and Entrepots in the Malay Peninsula, 1000BC-A.D 1400" dalam J. Kathirithamby-Wells dan J. Villiers (Ed), *The Southeast Asian Port and Polity. Rise and Demise*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hlm. 17-38.
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun dan Mohd Mokhtar Saidin, *Pensejarahan Kedah Tua: Satu Kritikan Sumber dan Tafsiran*. Johor: Penerbit UTHM, 2015.
- Nazarudin Zainun dan Nasha Rodziadi Khaw, *Hubungan Politik dan Sosiobudaya China-Dunia Melayu Hingga Kurun ke 15 Masihi*. Pulau Pinang: Penerbit USM, 2016.
- Nazarudin Zainun dan Nasha Rodziadi Khaw, *Perdagangan Dunia Melayu-China Hingga Kurun ke-16 Masihi*. Pulau Pinang: Penerbit USM, 2015.
- Nazarudin Zainun dan Nasha Rodziadi Khaw, *Sejarah dan Arkeologi Nusantara: Cerakinan Arkeologi dan Sejarah*. Selangor: PTS Akademia, 2015.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Kamaruddin Zakaria, "Recent Archaeological Discoveries in Kedah", dalam *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Studies*, Jilid LXVI Bahagian 2, 1993, hlm. 73-80.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim. (1992). *Warisan Lembah Bujang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Arca Buddha dari Lembah Bunag serta Hubungannya dengan Style Arca Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatra antara Abad ke-9 dan ke-14" dalam *Pertemuan Ilmiah Arkeologi II*, Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional, 1982, hlm. 165-81.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Arkeologi dan Kesenian Purba di Lembah Sungai Muda: Satu Kajian Tentang Pelabuhan –Negeri di Lembah Sungai Muda di Abad Ke-6 hingga Abad ke- 10 Masihi", dalam *Pertemuan Ilmiah Arkeologi IV*, Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional, 1986.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Sejarah Penyelidikan Arkeologi di Kedah dan Seberang Perai" dalam *Lembah Bujang. The Bujang Valley*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 18-21.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, "Temuan Artifak dari Lembah Bujang Abad 5-13 Masihi dan Hubungannya dengan Temuan-Temuan Arkeologi dari Tapak Barus Raya" dalam *JAM*, 15, 2002.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (1984). "Art, Archaeology and The Early Kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatra: c. 400-1400 AD", *Tesis Kedoktoran*, London: University of London.
- Nik Hassan Shuhaimi, "Buddhist Sculpture from Sumatra, Peninsula Malaysia and Peninsula Thailand during the Srivijayan Period (7th-14th century AD)", *Tesis Sarjana*, London: University of London, 1976.
- Quaritch-Wales Dorothy C. dan H. G. Quaritch Wales, "Further Works on Indian Sites in Malaya" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XX, 1, 1947, hlm. 1-11.
- Quaritch-Wales H. G., "Recent Malayan Excavation and Some Wider Implications", dalam *Journal of the Royal Asiatic Society*, XV-XVIII, 1946, hlm. 140-9.
- Quaritch-Wales, H. G. (1951). *The Making of Greater India: A Study of Southeast Asian Culture Change*, London: Bernard Quaritch Ltd.
- Quaritch-Wales, H. G. "A Note on The Four Main Waves" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XXIII, 4, 1950, hlm. 153-5.
- Quaritch-Wales, H. G. "Culture Change in Greater India" dalam *Journal of the Royal Asiatic Society*, 1948, hlm 2-32.
- Quaritch-Wales, H. G. "Further India. Archaeological Researches in Malaya" dalam *Annual bibliography of Indian Archaeology*, XII, 1937, hlm. 38-41.
- Quaritch-Wales, H. G. "Malayan Archaeology of The "Hindu Period", Some Considerations" dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XLIII, 1, 1970, hlm. 1-34.
- Quaritch-Wales, H. G. "New Light on the Expansion of Ancient India Culture and Mahayana Buddhism from sites in Kedah" dalam *Illustrated London News*, 24 Jun 1939, hlm. 1169-71.
- Quaritch-Wales, H. G. *The Malay Peninsula in Hindu Times*, London: Bernard Quaritch Ltd, 1976.
- Quaritch-Wales, H. G."Archaeological Research on Ancient Indian Colonization in Malaya" dalam *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Studies*, 1940: 20, 1.